

KIT M²: PEMBANGUNAN INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIRAH DI SK MORAK, TUMPAT, KELANTAN

RASHIDAH OTHMAN¹, SHAMSI AH ARSHAD
SK MORAK, TUMPAT, KELANTAN
rashidahothman1@gmail.com

ABSTRAK

Tonggak utama kepada pembangunan masyarakat madani dan tamadun bermula dengan pendidikan yang terancang. Untuk memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21, guru-guru harus gigih mengintegrasikan elemen-elemen inovatif dalam memastikan reka bentuk pembinaan Bahan Bantu Mengajar dapat dibangunkan dengan bijaksana. Penulisan kertas konsep ini bertujuan untuk menjelaskan pembangunan inovasi Kit M² sebagai Bahan Bantu Mengajar yang berinovatif untuk menarik minat murid ke arah meningkatkan kefahaman dalam bidang sirah Pendidikan Islam. Model ADDIE (2003) telah menjadi asas kepada pembanguan inovasi ini. Model yang mempunyai lima fasa ini terdiri daripada Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Setiap fasa mempunyai fungsi yang tersendiri. Dapatan membuktikan Inovasi Kit M² yang dibangunkan dalam bentuk visual tiga dimensi dan diaplikasikan dalam aktiviti Hot Seat menghasilkan pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah Pendidikan Islam yang berkesan. Kepelbagaian pembinaan Bahan Bantu Mengajar dan mengandungi nilai inovasi dan kreatif dalam bidang sirah berupaya memberi impak yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah di sekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat menarik minat murid mempelajari sirah dan memahami fakta dalam pembelajaran sirah serta dapat diaplikasikan oleh Guru dalam pengajaran sirah Pendidikan Islam..

Kata kunci: Pendidikan Islam, sirah, Hot Seat, inovasi

1.0 PENGENALAN

Dunia pendidikan abad ke-21 telah melalui transformasi secara holistik yang menuntut warga pendidik melaksanakan anjakan paradigma dengan mengintegrasikan elemen-elemen inovatif secara kreatif dalam membangunkan tamadun pendidikan di Malaysia (Noor Lela et.al 2019). Untuk mencapai matlamat inovasi membina tamadun negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menerusi Gelombang 3 (2021-2025) memberi penekanan tumpuan ke arah proses kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi berdasarkan pembudayaan inovasi, perkongsian amalan terbaik dan penguasaan kemahiran guru. Oleh yang demikian, ianya harus diaplikasikan oleh para pendidik dalam membudayakan pendidikan abad ke-21 dengan menterjemahkan amalan kreativiti dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan semua mata pelajaran. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Untuk mencapai PdPc yang memberi impak dan berkesan, menurut Kamarul Azmi (2011) pastinya diiringi dengan perancangan yang sistematik, pemilihan kaedah dan teknik pengajaran, pendekatan serta penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang akan menjadi pemudah cara kepada para guru bagi memastikan proses pembelajaran mencapai objektifnya. Oleh itu, guru yang kreatif dan berinovatif pasti sentiasa berusaha menjana idea berusaha menterjemahkan BBM yang berinovasi. Penggunaan BBM yang boleh dilihat, didengari, dirasai serta dijelmakan dalam pelbagai warna dan reka bentuk yang memikat dan menarik mampu membantu murid memahami konsep-konsep yang dipelajari dengan tepat (Sapie Sabilan 2018).

Dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bidang sirah dan Guru Pendidikan Islam (GPI). Justeru itu, menurut Mohd Zailani & Mohamad Khairi (2021) Guru Pendidikan Islam perlu mempraktikkan pedagogi abad ke-21 secara kreatif, inovatif, bijak berkomunikasi serta berupaya mengambil keputusan agar murid boleh memahami, mengambil iktibar dan mengamalkan secara istiqamah dalam menjalani kehidupan seharian berdasarkan kandungan kurikulum Pendidikan Islam.

1.1 KIT M²

Gambar 1

Bahan Bantu Mengajar Inovasi Kit M² visual tiga dimensi.



Kit M² adalah akronim bagi perkataan Mudah dan Mesra, yang dikenali sebagai alat pembelajaran mudah mesra, mudah digunakan dan mesra pengguna kepada guru dan murid. Kos bagi menghasilkan Kit M² juga tidak memerlukan kos yang tinggi serta bahan-bahannya daripada sumber yang mudah didapati. Kit M² memungkinkan murid untuk memahami konsep kompleks melalui pengalaman visual dalam tiga dimensi dan sebagai alat efektif untuk meningkatkan pembelajaran abad ke-21. Ia adalah sebuah kit yang dibangunkan dengan pelbagai warna agar mampu menarik perhatian murid. Menurut Noraziah (2019) penggunaan bahan bantu yang menarik minat murid dan dilaksanakan secara berkumpulan merupakan salah satu aktiviti pembelajaran abad ke-21 kerana menumpukan kepada pembelajaran koperatif yang berfokuskan kepada murid. Elemen-elemen yang diterapkan dalam penggunaan Kit M² iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreatif serta nilai murni yang diaplikasikan merupakan standard asas dalam PAK21. Manakala, pendekatan didik hibur dalam proses pembelajaran turut diterapkan dan guru sebagai pemudah cara yang menyediakan pembelajaran koperatif dan berpusatkan murid.

Penggunaan Kit M² semasa proses pembelajaran sirah dengan aktiviti didik hibur *Hot Seat* membantu terciptanya suasana pembelajaran yang menarik. Hasil kajian oleh Abdul Rasid et al.(2016) dan Shamsudin & Abdul Rasid (2013) mendapati didik hibur dalam teknik pembelajaran berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna serta menyeronokkan dan memberi peluang kepada murid untuk turut serta melibatkan diri secara aktif daalm pembelajaran. Pembelajaran *Hot Seat* menggunakan Kit M² adalah proses

pembelajaran yang mengaplikasikan kaedah penysoalan dalam kalangan murid. Dengan demikian, aktiviti pembelajaran ini secara tidak langsung telah mendedahkan kepada murid untuk bersama-sama berkongsi pandangan, menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan daya ingatan dan meningkatkan kefahaman dalam topik yang telah dipelajari serta memberi pengalaman bermakna terhadap murid. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran *Hot Seat* menggunakan Kit M² merupakan salah satu aktiviti membentuk jati diri murid yang berketrampilan, pembelajaran dalam hubungan bersosial yang akan memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat yang bertamadun.

1.2 KEPENTINGAN KIT M²

Penggunaan Kit M² dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sebuah aktiviti pembelajaran abad ke-21. Kaedah ini berupaya mewujudkan suasana didik hibur dalam pembelajaran sirah. Abdul Rasid et al. (2016) dalam kajiannya menyatakan, proses perubahan pembelajaran yang lebih efektif akan terwujud dengan penerapan elemen didik hibur oleh guru. Situasi ini amat berkepentingan kepada murid supaya dapat melalui pengalaman dan situasi yang menyeronokkan ketika berlangsungnya proses pembelajaran. (A. Rahman (2015). Untuk itu, penggunaan Kit M² dapat menjelmakan suasana ini kerana kaedah yang berkonsepkan belajar sambil bermain. Kajian oleh Akmariah & Sofiah (2010), pembelajaran berkonsepkan permainan adalah aktiviti yang merangsang minat murid untuk terus belajar. Selain itu, penggunaan Kit M² mampu menjana idea dan melatih murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Melalui aktiviti *Hot Seat* dengan penggunaan Kit M² dalam pembelajaran sirah, proses kemahiran berfikir secara intelek dapat dijelmakan apabila murid bersoal jawab menguji tahap kefahaman tentang isi kandungan pembelajaran, berupaya mengambil keputusan dan mencari solusi merungkaikan masalah. Sepertimana contoh berikut, pembelajaran sirah memfokuskan kepada penghayatan terhadap kisah yang berlaku terhadap baginda Rasulullah dalam pembentukan negara Madinah. Apabila persoalan mengenai iktibar yang diperolehi daripada kisah yang dipelajari, secara tidak langsung murid mulai berfikir berkaitan impak daripada kisah yang berlaku. Murid lain pula berperanan menilai jawapan murid yang menjawab dan seterusnya berfikir samada idea yang diutarakan boleh diterima atau meminta cadangan supaya mengemukakan idea yang lain. Secara tidak langsung juga, komunikasi dan kerjasama berlaku ketika pelaksanaan aktiviti pembelajaran bidang sirah. Murid berupaya berkomunikasi antara murid untuk berkongsi ilmu pengetahuan, memilih, menjawab dan menilai idea secara kritis. Melalui proses ini, komunikasi merupakan elemen terpenting ke arah pelaksanaan mencapai objektif pembelajaran. Pernyataan oleh Raja Abdullah & Daud Ismail (2018), komunikasi yang berkesan akan menyerlahkan ketrampilan yang tinggi dalam kalangan murid. Suasana ini wajar dipupuk kerana memberi impak yang penting iaitu nilai kerjasama dalam kalangan murid.

Selain itu, aktiviti *Hot Seat* menggunakan Kit M² berupaya meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari sirah. Ini dibuktikan berdasarkan peranan murid menilai jawapan atau idea dengan memberi kata-kata pujian dan perangsang kepada murid lain yang menjawab soalan. Kata-kata semangat, pujian dan perangsang kepada murid yang menjawab walaupun jawapan dan idea yang diberikan kurang tepat tetap diberikan. Secara tidak langsung, situasi ini mampu meningkatkan motivasi murid. Menurut Purwanto (2013) motivasi adalah usaha yang dilaksanakan dan mempengaruhi tingkah laku individu agar mencapai hasrat yang diharapkan. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam aktiviti menggunakan Kit M² adalah berdasarkan topik dan murid berpeluang belajar bersama-sama dan saling bertukar-tukar fikiran. Dengan ini, nilai kerjasama yang jitu berjaya diterapkan. Pernyataan oleh James Ang (2017), situasi

seperti ini berjaya membuka ruang pembelajaran berlaku pertukaran idea dan pengetahuan antara murid untuk beroleh jalan penyelesaian, mencipta dan mencapai matlamat pembelajaran.

Selanjutnya, Guru Pendidikan Islam berperanan memberi arahan dan seharusnya bijaksana mengelola pengurusan kelas sewaktu aktiviti *Hot Seat* menggunakan Kit M² dilaksanakan. Penjelasan oleh Hasfarina Abas (2012), antara ciri pengurusan kelas yang baik ialah guru melaksanakan pemantauan terhadap tingkah laku murid dan hasil kerja mereka. Sebagai pemudah cara dan pembimbing setiap aktiviti yang dilaksanakan, Guru Pendidikan Islam harus memastikan murid memahami soalan yang diajukan serta jawapan yang diberikan supaya objektif pembelajaran tercapai. Oleh itu, guru Pendidikan Islam juga berperanan memupuk nilai murni supaya penghayatan dan pembudayaan nilai dalam diri murid dapat disemai melalui aktiviti *Hot Seat* menggunakan Kit M². Maka, jelas dapat dilihat bahawa guru Pendidikan Islam berperanan sebagai agen perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah berbantuan bahan bantu yang berinovatif.

1.3 PELAKSANAAN KIT M²

Elemen kreativiti dan pembelajaran koperatif dalam aktiviti PAK21 berlangsung semasa penggunaan Kit M². Menurut Siti Aisyah & Hafizhah (2020) pembelajaran koperatif melibatkan tindakan kerjasama dalam kalangan murid untuk melaksanakan sesuatu aktiviti. Penggunaan Kit M² dalam aktiviti *Hot Seat* merupakan amalan pengajaran kreatif dan menyemai semangat kolaboratif dalam kalangan murid serta wajar diaplikasikan oleh Guru Pendidikan Islam agar objektif pengajaran dan sebagai pemudah cara tercapai.

Langkah-langkah pelaksanaan Kit M² dalam proses pengajaran dan pembelajaran:

- a) Semua murid memberi tumpuan kepada penerangan guru mengenai topik pembelajaran menggunakan Kit M². Kaedah dan teknik yang pelbagai diaplikasikan oleh guru sewaktu penerangan topik seperti cerita, nasyid dan soal jawab. Setelah selesai penerangan guru, murid-murid diberi peluang untuk berbincang bersama ahli kumpulan mengenai topik sirah melalui Kit M² berdasarkan topik yang telah yang dipelajari.
- b) Guru akan meminta seorang wakil murid daripada setiap kumpulan berada di *Hot Seat* untuk menjawab soalan-soalan pilihan yang tersedia di poket dalam Kit M². Soalan dibaca oleh wakil murid dari setiap kumpulan.
- c) Murid yang berada di *Hot Seat* menjawab soalan-soalan dan setiap jawapan dinilai bersama oleh murid dengan bimbingan guru dan diberi penghargaan dengan kata-kata semangat.
- c) Murid di *Hot Seat* pula akan memilih soalan-soalan yang tersedia dalam Kit M² dan memberi peluang kepada setiap murid dalam kumpulan menjawab soalan. Setiap jawapan dinilai bersama oleh murid dengan bimbingan guru. Setiap murid yang menjawab soalan diberi kata-kata perangsang dan galakan walaupun jawapan yang diberikan kurang tepat.

d) Guru memberikan ulasan dan peluang berada di *Hot Seat* diberikan kepada murid lain pula.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bidang sirah merangkumi aspek kehidupan secara menyeluruh Nabi Muhammad SAW meliputi kisah hayat baginda sebagai seorang anak, murid, ibu bapa, guru, suami dan pemimpin yang dituntut kepada umat Islam sejagat menjadikan sunah sebagai panduan (Nur Adibah & Hafizhah 2020; Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti 2008). Menurut Nurul Eeffah (2016), pelbagai gejala sosial melibatkan remaja pada dewasa ini, membuktikan kerapuhan iman dan konflik jati diri dalam kalangan remaja dan ini disebabkan kerana kurangnya penghayatan terhadap pembelajaran sirah serta tidak meletakkan kisah hidup baginda sebagai panduan kehidupan. Manakala kajian oleh Siti Rohani & Farid (2016) pula, murid tidak berminat dalam pembelajaran sirah kerana tiada keistimewaannya dan hasil kajian oleh Jundan (2008) mendapati murid menyatakan tiada yang menarik dalam pembelajaran sirah.

Seterusnya kajian oleh Ahmaf Fauzi (2017) strategi pembelajaran secara menghafaz fakta serta tidak memahaminya menjadikan pembelajaran sirah tidak diminati oleh pelajar. Nurul Eeffah (2016) dalam kajiannya menambah, Guru Pendidikan Islam menyampaikan pengajaran dalam teknik bercerita dan tidak mengaitkan sirah dalam kehidupan seharian untuk dijadikan iktibar. Justeru di sini dapat dilihat bahawa pelajar tidak dapat mengaplikasikan kisah sirah dan cabaran kehidupan baginda ke dalam situasi masa kini. Kajian selanjutnya oleh Ngasiman (2014) kaedah pengajaran yang tidak dirancang secara kreatif akan membuatkan murid mudah bosan. Dengan demikian, ini mengakibatkan pelajar tidak berbermotivasi dan berminat untuk mempelajari sirah.

Oleh itu, pengkaji telah mengkaji penggunaan *BBM Kit M²* dalam pembelajaran bidang sirah Pendidikan Islam. Berdasarkan kajian-kajian yang lalu, tiada kajian yang dilakukan oleh para pengkaji untuk mengaplikasikan *Kit M²* dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Penerapan *Kit M²* dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah dan memberi impak yang baik kepada murid dan guru dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Kertas konsep ini bertujuan untuk menjelaskan pembangunan inovasi *Kit M²* sebagai bahan bantu mengajar yang berinovatif agar dapat menarik minat murid dan mampu meningkatkan kefahaman dalam bidang sirah Pendidikan Islam.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 1- Menjelaskan model ADDIE untuk pembangunan inovasi *Kit M²*.
- 2- Menjelaskan cara penggunaan inovasi *Kit M²* dalam pengajaran dan pembelajaran sirah yang mampu menarik minat dan meningkatkan kefahaman murid.

5.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan literatur kajian yang lepas membuktikan bahawa kepelbagaian dalam pendekatan pembelajaran sirah masih belum diterokai sepenuhnya oleh Guru Pendidikan Islam. Kajian oleh Mohd Saifun Aznin et.al (2022) mendapati Guru Pendidikan Islam masih belum memberi penekanan kepada kaedah permainan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah. Kaedah permainan perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah pada peringkat sekolah. Melalui pendekatan kaedah permainan dalam sirah membuktikan murid berjaya mengingat fakta-fakta dalam topik yang dipelajari, membantu meningkatkan tahap kefahaman dan memantapkan pemahaman dalam bidang sirah seterusnya berjaya menarik minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Manakala kajian oleh Nur Adibah & Hafizhah (2020) kaedah pembelajaran abad ke-21 berjaya membantu murid memahami sirah, mencipta kolaboratif dalam kalangan murid dan mampu memberi motivasi untuk mempelajari sirah. Seterusnya hasil kajian oleh Farah Hazwani (2018) menjelaskan pembelajaran didik hibur dengan gabungan bahan bantu mengajar video dan permainan berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna buat murid. Oleh itu, beberapa kajian lepas berkaitan aspek inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran sirah sememangnya memerlukan daya kreativiti dan kesungguhan guru Pendidikan Islam agar penghasilan bahan bantu yang kreatif dapat dijelmakan. Selain itu, guru harus memastikan pelaksanaan PAK21 berlangsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah serta objektif pembelajaran yang telah ditetapkan tercapai.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan model ADDIE untuk membangunkan bahan inovasi Kit M². Addie ialah model yang diperkenalkan pada tahun 1990-an oleh Reiser Ollenda (Sutarti 2017). Model ADDIE dipilih oleh pengkaji kerana ianya merupakan model reka bentuk pengajaran yang sering menjadi asas dan sumber kepada kemunculan model-model yang lain. (Hamir Hamzah & Muhammad Hilmi 2021; CarrChellman 2011).

Lima fasa yang terkandung dalam Model Addie iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian yang mana setiap fasa mempunyai fungsinya tersendiri (Peterson 2003). Proses reka bentuk melalui Model ADDIE dalam pembangunan Kit M² adalah sebuah proses pengulangan kerana setiap peringkat yang dilalui memerlukan penilaian semula. Ini bermaksud, hasil bahan bantu yang dihasilkan bagi satu peringkat adalah hasil permulaan bagi peringkat seterusnya. Setelah bahan bantu Kit M² berjaya dihasilkan, pengkaji mendapatkan pengesahan dan pandangan melalui penilai yang berpengalaman dan pakar dalam bidang pendidikan serta inovasi. Setiap fasa dan peringkat yang dilalui adalah untuk memastikan inovasi Kit M² yang dibangunkan bersesuaian dan menepati arus transformasi pendidikan.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Fasa 1: Fasa Analisis, pada peringkat ini ditentukan objektif, matlamat dan maklumat murid untuk membangunkan inovasi Kit M². Rujukan diperolehi daripada kajian sedia ada berkaitan pengajaran dan pembelajaran sirah. Selain itu melalui artikel, jurnal dan buku berkaitan sirah termasuk buku teks Pendidikan Islam. Didapati topik yang terkandung ialah fakta dan kisah yang perlu diingati dan difahami oleh murid dan bagaimana penghayatan kepada murid dalam

bidang sirah perlu diterokai oleh guru sendiri. Manakala menurut Zainora Daud et al.(2018) bahan bantu sedia ada hanyalah buku teks, papan tulis dan carta kurang membantu murid untuk mengingati topik yang dipelajari. Seterusnya analisis maklumat murid yang bertujuan untuk lebih memahami murid diperolehi dengan menganalisis latar belakang, pengetahuan, gaya pembelajaran, minat murid serta pencapaian dalam latihan sirah. Hasilnya murid kurang berjaya mengingati fakta dan kurang penghayatan iktibar sirah yang telah dipelajari. Bertepatan dengan kajian oleh Siti Rohani & Farid (2016) , murid tidak berminat dalam pembelajaran sirah kerana tiada keistimewaannya dan hasil kajian oleh Jundan (2008) mendapati pelajar menyatakan tiada yang menarik dalam pembelajaran sirah.

Fasa 2: Fasa Reka Bentuk, pada peringkat ini setiap maklumat yang telah diperolehi disusun dan direka bentuk untuk membangunkan Kit M² dalam bentuk visual tiga dimensi. Ianya termasuklah bahan untuk direka bentuk, teknik dan penyusunan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sirah. Untuk fasa ini pengkaji menyusun aktiviti pengajaran menggunakan kaedah penerangan, bercerita, bernasyid dan soal jawab bagi setiap dimensi.

Fasa 3: Fasa Pembangunan, pada peringkat ini proses pembangunan dilakukan berdasarkan model visual tiga dimensi berbentuk buku mengikut topik sirah iaitu Asas Pembentukan Negara Madinah. Setiap visual tiga dimensi dengan warna yang menarik direka bentuk mengikut langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang telah disusun atur. Satu rancangan pengajaran juga turut dibina sebagai panduan untuk mengaplikasikan inovasi KIT M². Aktiviti *Hot Seat* sebagai aktiviti PAK21 telah disusun untuk mewujudkan suasana didik hibur dan berfokus kepada penglibatan semua murid. Pilihan soalan dibina di dalam setiap poket visual tiga dimensi untuk aktiviti *Hot Seat*. Menurut Ahmad Zamzuri (2018) Fasa Pembangunan ini perlu diberi perhatian supaya bahan pembelajaran yang positif dapat dihasilkan.

Fasa 4: Fasa Pelaksanaan, pada peringkat ini ialah melaksanakan dan menguji bahan inovasi Kit M² yang telah dibangunkan untuk memastikan penggunaan dan fungsi model visual tiga dimensi Kit M² berkesan kepada murid dalam mencapai objektif pembelajaran sirah. Setiap kelemahan dan kekurangan dalam bahan inovasi ini, akan ditambah baik oleh pengkaji. Pelaksanaan ini melibatkan guru dan murid tahun 6 yang menggunakan bahan inovasi Kit M² untuk pembelajaran dan pengajaran sirah.

Fasa 5: Fasa Penilaian, peringkat ini merupakan fasa terakhir untuk melaksanakan proses pengujian terhadap kumpulan sasaran bahan inovasi Kit M². Ianya bertujuan untuk menilai fungsi dan kebolegunaan inovasi yang telah dibangunkan dan keberkesanannya agar mencapai objektif pembelajaran dan menarik minat murid terhadap pembelajaran sirah. Maklum balas bagi pemerolehan ini akan dilaksanakan melalui temubual, pemerhatian, soal selidik dan latihan untuk memastikan keberkesanan dan impak bahan inovasi Kit M².

7.1 Penjelasan kedudukan negara Madinah

Gambar 2

Visual tiga dimesi Kit M² mengikut topik : Penjelasan kedudukan negara Madinah




Pengenalan kepada negara Madinah dimulai dengan visual tiga dimensi separa glob dan latar belakang negara Madinah dengan persembahan warna yang menarik. Di setiap dimensi ini mengandungi kad yang tertulis pengenalan latar penduduk Madinah. Poket pilihan soalan turut disertakan untuk aktiviti *Hot Seat* yang akan dilaksanakan semasa sesi pembelajaran. Guru memberi penerangan berdasarkan visual ini. Bertepatan dengan kajian oleh Sapie Sabilan et al. (2018) penggunaan BBM yang boleh dilihat, didengari, dirasai serta dijelmakan dalam pelbagai warna dan bentuk yang menarik mampu membantu murid memahami konsep-konsep yang dipelajari dengan tepat. Guru-guru perlu menguasai kemahiran berkomunikasi yang baik agar dapat mewujudkan sesi pengajaran berkesan dan mampu menarik perhatian murid untuk topik yang akan disampaikan. (Mohd Safiee Hj Idris 2008)

7.2 Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah 1- Pembinaan Masjid Nabawi.

Gambar 3

Visual tiga dimesi Kit M²: Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah 1- Pembinaan Masjid Nabawi.



Asas kepada pembentukan negara Madinah yang pertama ialah pembinaan masjid Nabawi. Guru memberi penerangan berdasarkan visual tiga dimensi Masjid Nabawi. Di dimensi ini juga mengandungi kad yang tertulis berkaitan Masjid Nabawi dan fungsi masjid. Poket pilihan soalan turut disertakan untuk aktiviti *Hot Seat* yang akan dilaksanakan semasa sesi pembelajaran. Guru memberi penerangan sambil bersoal jawab berdasarkan visual tiga dimensi Kit M². Bahan bantu mengajar guru mestilah yang mampu menjelaskan idea yang kabur, memantapkan huraian dalam bahagian dan fakta yang sukar difahami, warna yang menarik minat murid, saiz yang sesuai dan tepat, murah dan memberi kesan (KPM 2014). Menurut Hussin et al. (2005) fungsi guru dan peningkatan tahap keberkesanan pengajaran guru berubah dengan kehadiran BBM.

7.3 Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah ke-2- Mempersaudarakan Kaum Muhajirin dan Ansar

Gambar 4

Visual tiga dimesi Kit M²: Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah ke-2- Mempersaudarakan Kaum Muhajirin dan Ansar



Asas kepada pembentukan negara Madinah yang kedua ialah mempersaudarakan kaum muhajirin dan ansar. Guru memberi penerangan berdasarkan visual tiga dimensi persaudaraan muhajirin dan ansar. Gabung jalin antara mata pelajaran Pendidikan Islam dan Muzik turut diterapkan dengan alunan nasyid lagu 1 Muharam. Dalam dimensi ini juga diselitkan kad berkaitan kaum muhajirin dan ansar serta poket berbentuk taman berisi kad pilihan soalan untuk aktiviti *Hot Seat*. Menurut Hussin et al. (2005) guru yang kreatif dan inovatif perlu membuat persediaan dari sudut kemahiran dan pengetahuan dalam PdP untuk penyampaian pengajarannya. Manakala Siti Fatimah (2010) menjelaskan penggunaan BBM mampu meningkatkan kefahaman murid berkaitan sesuatu topik.

7.4 Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah ke-3- Mewujudkan Piagam Madinah

Gambar 5

Visual tiga dimesi Kit M²: Penjelasan Asas Pembentukan Negara Madinah ke-3- Mewujudkan Piagam Madinah




Asas kepada pembentukan negara Madinah yang ketiga ialah Mewujudkan Piagam Madinah. Guru memberi penerangan berdasarkan visual tiga dimensi piagam Madinah. *Scroll* mengandungi isi piagam Madinah turut disertakan dalam dimensi ini. Poket berbentuk taman berisi kad pilihan soalan untuk aktiviti *Hot Seat* disediakan. Setelah selesai setiap dimensi guru memberikan peluang kepada murid untuk berbincang dalam kumpulan mengenai topik yang dipelajari. Menurut P.O.Erixon (2010), murid akan lebih memberi tumpuan dalam pembelajaran apabila guru hanya menggunakan gambar berbanding *chalk and talk*. Bertepatan dengan kajian oleh Dawud Tauhidi (2001) & Sommieh Udin (2001), pembangunan diri murid dengan bantuan dan bimbingan guru dianggap satu tarbiyah dalam pendidikan Islam.

7.5 Aktiviti Menguji Impak Keberkesanan Kit M² dalam Sirah Secara Pemerhatian

Berikut dapatan pemerhatian penguasaan murid sebelum dan selepas penggunaan Kit M² dalam pembelajaran Sirah.

Rajah 1

Dapatan pemerhatian penguasaan murid sebelum dan selepas penggunaan Kit M²




Sebelum penggunaan Kit M², pengkaji telah merefleksi dan membuat pemerhatian ke atas murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran sirah. Kajian sebelum dijalankan menyokong kajian oleh Ngasiman (2014) kaedah pengajaran yang tidak dirancang secara kreatif akan menjadikan pelajar mudah jemu. Situasi ini mengakibatkan pelajar tidak berminat dan bermotivasi untuk mempelajari sirah. Manakala selepas pengkaji melakukan perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penglibatan murid dalam proses pembelajaran sangat aktif dan berjaya menjawab setiap soalan yang diajukan dengan baik dan berkeyakinan. Kajian ini menyokong kajian oleh Mohd Saifun Aznin et.al (2022) Melalui pendekatan kaedah permainan dalam sirah membuktikan murid berjaya mengingat fakta-fakta dalam topik yang dipelajari, membantu meningkatkan tahap kefahaman dan memantapkan pemahaman dalam bidang sirah seterusnya berjaya merangsang murid berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

7.6 Analisis Data Keberkesanan Penggunaan Kit M² dalam Sirah

Berikut peratus penguasaan murid sebelum dan selepas penggunaan Kit M² dalam pembelajaran Sirah. Kajian ini melibatkan seramai 15 orang murid.

Rajah 2

Graf palang dapatan penguasaan pelajar sebelum dan selepas penggunaan Kit M².



Berdasarkan hasil dapatan daripada graf palang, didapati penguasaan pelajar menunjukkan peningkatan sebanyak 53.3 % iaitu dari 40 % meningkat menjadi 93.3 %. Ini jelas menunjukkan Kit M² memberikan impak yang amat positif kepada pembelajaran Sirah. Hasil dapatan kajian ini menyokong kajian oleh Abdul Rasid et al. (2016), proses perubahan pembelajaran yang lebih efektif akan terwujud dengan penerapan elemen didik hibur oleh guru. Situasi ini amat berkepentingan kepada murid supaya dapat melalui pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan sewaktu pembelajaran sedang dilaksanakan (A. Rahman 2015). Oleh itu,

penggunaan Kit M² mewujudkan konsep pembelajaran belajar sambil bermain dalam kalangan murid dan membuktikan murid berjaya mengingat fakta-fakta dalam topik yang dipelajari, serta membantu meningkatkan tahap kefahaman murid.

8.0 PERBINCANGAN

Pengkaji akan membincangkan hasil kajian ini berdasarkan hasil dapatan yang telah diperolehi. Kajian ini menggunakan Model ADDIE untuk pembangunan inovasi sebagai metodologi penelitian kepada bahan inovasi yang dihasilkan iaitu KIT M². Kajian ini turut menyumbang kepada kajian sebelumnya dengan menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam perlu kreatif dan inovatif untuk mencapai objektif pembelajaran sirah yang dianggap sebagai tidak istimewa oleh murid sebagaimana kajian oleh Siti Rohani & Farid (2016) yang menyatakan, murid tidak berminat mempelajari sirah kerana tiada keistimewanya. Namun begitu melalui Kit M² dan aktiviti *Hot Seat* PAK21 yang dilaksanakan murid dapat memahami topik dan memberikan jawapan yang tepat dengan bimbingan guru serta pembelajaran yang berfokuskan kepada murid.

Aktiviti *Hot Seat* yang dilaksanakan memupuk murid berfikiran kritis, bijak mengambil keputusan dan menilai serta menyemai nilai murni melalui sesi soal jawab. Kajian ini menyokong kajian oleh Fathi Abdullah & Khadijah Abdullah, (2021) yang menyatakan pendekatan aktiviti PAK21 dalam pembelajaran sirah berjaya menerapkan ciri-ciri kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Bertepatan juga dengan kajian oleh Akmariah & Sofiah (2010), pembelajaran berkonsepkan permainan merupakan aktiviti yang mampu merangsang minat murid untuk belajar. Kajian oleh Mohd Romei Ngah (2012) menyatakan murid menghadapi masalah mengingat fakta dan ini merupakan salah satu cabaran kepada murid kerana pelbagai topik yang dipelajari dalam Pendidikan Islam. Menolak kajian Mohd Romei (2012), gabungan alunan nasyid dan teknik soal jawab pada setiap dimensi dalam KIT M² membantu murid untuk mengingat fakta dalam topik yang dipelajari.

Pelbagai teknik guru dalam penggunaan Kit M² dengan visual tiga dimensi mampu menarik minat murid dan ketika aktiviti *Hot Seat* murid teruja untuk membacakan soalan serta menjawab soalan yang disediakan. Oleh yang demikian, murid aktif melibatkan diri dalam sesi pembelajaran. Menyokong kajian ini ialah kajian oleh Nur Adibah & Hafizhah (2020) kaedah pembelajaran abad ke-21 berjaya membantu murid memahami sirah, mencipta kerjasama dalam kalangan murid dan mampu memberi motivasi murid untuk terus mempelajari sirah. Kajian ini menolak kajian oleh Ngasiman (2014), yang menyatakan dalam kaedah pengajaran yang tidak dirancang secara kreatif akan membuatkan murid mudah jemu dan bosan. Akhirnya ini mengakibatkan pelajar tidak berminat dan bermotivasi untuk mempelajari sirah. Kajian ini turut menolak kajian oleh Nursyafiqah (2023), murid berpendapat sirah merupakan bidang yang agak sukar kerana mereka terkeliru untuk mengingat fakta dan kronologi peristiwa penting dalam sirah. Penggunaan KIT M² dalam sesi soal jawab yang berulang kali ketika aktiviti *Hot Seat* mampu meningkatkan kefahaman murid dan berjaya membantu murid mengingat fakta dan kronologi peristiwa penting dalam topik yang dipelajari.

Menurut Abdul Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi (2011) dalam kajian mereka, Guru Pendidikan Islam harus menyampaikan ilmu secara tidak terbatas demi membangunkan akhlak pelajar, menjana minda dan membentuk peribadi sahsiah yang unggul. Manakala Noornajihah (2018) menyatakan guru seharusnya memberi tumpuan kepada aspek pembangunan inovasi

untuk perubahan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik. Dengan demikian murid akan melalui proses pengalaman pembelajaran yang amat bermakna kerana inovasi mampu membina tamadun pendidikan.

9.0 RUMUSAN

Bahan bantu yang berinovatif mampu menjana pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan untuk generasi pembelajar dalam dunia pendidikan. Pelaksanaan bahan inovasi Kit M² dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah merupakan salah satu kaedah yang amat diperlukan selaras dengan pembelajaran abad ke-21. Ianya berupaya membantu murid memahami kisah sirah, mencipta suasana kolaboratif serta melonjak motivasi murid untuk mempelajari sirah. Kit M² juga merangkumi pembelajaran koperatif serta pembelajaran yang aktif. Didikan sifat kepimpinan turut dipupuk dengan membina keyakinan diri apabila penglibatan dalam aktiviti dihargai dengan kata-kata perangsang dan semangat. Inovasi Kit M² mewakili usaha berterusan untuk menyempurnakan tamadun pendidikan buat generasi akan datang serta membawa perubahan positif dalam dunia pendidikan. Oleh itu, kepelbagaian pembinaan bahan bantu mengajar yang mengandungi nilai inovasi dan kreatif dalam bidang sirah memberikan impak yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sirah di sekolah.

RUJUKAN

- Abas H. (2012). Tahap, amalan dan masalah pengurusan bilik darjah guru-guru Sekolah Menengah Daerah Segamat, Johor. 1–20.
- Abdullah F., & Abdul Rzak K., (2021) Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang sirah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 5 June 2021, no. e-ISSN 2590-3799
- Ahmad Fauzi. (2017). Upaya meningkatkan prestasi belajar mata pelajaran sirah nabawiyah dengan *metode mind mapping* pada siswa kelas IX di Pondok Pesantren Smp It Assalaam Masaran Sragen Tahun Ajaran 2017/ 2018. Tesis Sarjana Pendidikan Islam. Fakulti Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Surakarta
- Ahmad N.L., Looi S.S., Ab Wahid H. & Yusof R. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(28): 28-51.
- Carr-Chellman, A. A. (2011). *Instructional design for teachers: Improving classroom practice*. New York: Routledge
- D R Ristu N., (2023) Amalan pengajaran guru pelatih pendidikan islam upsi dalam mata pelajaran sirah, *UPSI Digital Repository (UDRep) Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- Effindi F.H. (2018). VTA-TJS: membantu meningkatkan kemahiran mengingat sirah nabi Muhammad SAW pemimpin agung. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari, Jil. 1* (2018), 50-59
- Erixon, P. O. (2010). School Subject Paradigms and Teaching Practice in Lower Secondary Swedish School Influenced By *ICT and Media*. *Computers & Education Journal*, 54(4), 1212-1221.
- Hidayat F. & Nizar M. (2021) Model addie (analysis, design, development, and implementation evaluation) dalam pembelajaran pendidikan agama islam JIPAI; *Jurnal Inovasi Pendidikan Agama Islam Volume 1*, No. 1, Desember 2021
- Hussin, S., Marzuki, S., Abdul Razak, A. Z., Md Som, H., & Ranee, A. (2005). *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Idris M.S., Sikorb A., Mohd Ariff S.Z., Mustafac M.Z., Madard A.R. & Md. Ariffine L.. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008
- Jaafar H.H. & Mat Saad M.H. (2021). Pembangunan inovasi tajwid yadun untuk pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 4(2): 32-44
- Jaafar N. & Tamuri A.H. (2012). Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi: Satu Keperluan Dalam Mendepani Remaja Islam Abad 21. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam 2012*, hlm. 239-248.

- Jamian A.R., Razali N.N. & Othman S. (2016). Pengaplikasian teknik didik hiburan meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa melayu *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 39-
- James Ang Jit Eng. (2017). *Kehendak pendidikan abad ke-21*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki.
- Kamarul Azmi, Ilias M.F., Tamuri A.H. & Mohd Hamzah M.I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 59-74
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas Menengah)*. Putrajaya: KPM
- Nur Adibah Liyana Awi1, Hafizhah Zulkifli (2020) Kaedah fan-n-pick dalam pembelajaran sirah pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* Vol. 4, No. 2(2020), 61-69
- Mamat A. & Ismail S. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan jawi di Malaysia. *Proceeding of The4th International Conference; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*: 321-329.
- Mohd Yusoff M.Z., Othman M.K., Puteh A. & Roslan N.F. (2017) Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di Sekolah Menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special issue)*: 1–10.
- Mohd Sharif, M. S. A., Kamarudin, M. F., Kamarulzaman, M. H., Mohd Saali, M. M. S. N., Esrati, M. Z., & Latif, M. N. (2022). Inovasi pengajaran dan pembelajaran sirah melalui permainan dalam kalangan pelajar pintar cerdas: Teaching and Learning Innovation Through Games Among Pintar Cerdas Students. *AL-MAQASID The International Journal of Maqāsid Studies and Advanced Islamic Research*, 3(2), 49–62
- Purwanto. (2013). *Psikologi pendidikan*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Peterson, C. (2003). Bringing ADDIE to life: Instructional design at its best. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*, 12(3), 227-241
- Raja Ismail R.A. & Ismail D. (2018). Aplikasi “Konsep 4C” pembelajaran Abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 45–65
- Sapie Sabilan, Mohd Borhan Jamaluddin, Siti Nga’ishah Mohni (2018). Tahap keberkesanan penggunaan kad warna jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf jawi. *Kertas kerja Intenational Conference on Da’wah 2018 (ICOD 2018)*
- Tamuri A.H. & Nik Yusoff N.M.R. (2011). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.